

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda.

Liberty General Insurance Berhad  
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

## 1 Apakah Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing?

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) adalah skim insurans kemasukan hospital dan pembedahan yang diperbaharui setiap tahun bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan pihak Majikan ke atas pekerja asing sekiranya pekerja asing tersebut dimasukkan ke hospital disebabkan oleh kemalangan ataupun penyakit.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

**Sebagai ilustrasi**, dengan pembayaran **RM120.00** [setahun] dengan had tahunan sebanyak **RM20,000**, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut:

Polisi ini **melindungi**:

- Bilik Hospital dan Makan.
- Had tahunan: **RM20,000**
- Unit Rawatan Rapi.
- Bekalan & Khidmat Hospital.
- Bilik Bedah.
- Bayaran Pembedahan (Tidak merangkumi Transplan Organ).
- Bayaran Pakar Bius.
- Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital.
- Lawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital.
- Bayaran Ambulans / Bayaran Laporan Perubatan.

**Nota:** Ini bukan senarai lengkap. Sila rujuk kontrak polisi anda untuk butiran lanjut mengenai perlindungan.

Insurans perubatan dan Kesihatan anda **tidak melindungi**:

- Penyakit Sedia Ada. Walau bagaimanapun, pengecualian tersebut adalah digugurkan sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah lulus pemeriksaan perubatan dan disahkan oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA) dalam masa 30 hari ketibaan ke Malaysia.
- Penyakit kardiovaskular dan semua jenis kanser yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan;
- Pembedahan plastik/kosmetik. Khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasaan atau pembedahan (Keratotomy Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
- Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan Kecelakaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
- Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia), dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.

**Nota:** Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:**



Hubungi kami di  
1 800 88 3833



Layari kami di  
[www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)



Emel kami di  
[customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)



Imbas kod  
QR di atas

## 3

## Ketahu Kewajipan Anda

<b>Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:</b>	
Perlindungan Asas	RM120.00 (setahun)
Tempoh: sehingga mencapai umur 60 tahun	
<b>Premium Kasar</b>	<b>RM120.00 (setahun)</b>
<b>Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</b>	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM9.60
(+) Duti Setem	RM10.00
<b>Jumlah Premium Perlu Dibayar</b>	<b>RM139.60 (setahun)</b>
<b>Di mana ini termasuk:</b>	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM12.00
<b>Nota:</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.</li> <li>Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.</li> </ul>	

## 4

## Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> <li>MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.</li> <li>Wilayah Geografi – Semua manfaat yang dinyatakan di sini adalah terpakai di dalam Malaysia sahaja untuk 24 jam sehari. Perlindungan terhenti sebaik sahaja Orang Yang Diinsuranskan meninggalkan Malaysia dan bersambung semula sekembalinya Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia.</li> <li>Had Manfaat – Semua manfaat yang disediakan di dalam Polisi ini adalah hanya membayar jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat.</li> <li>Tempoh Ihsan – Ini adalah Polisi Tunai Sebelum Perlindungan. Meskipun terdapat syarat Tunai sebelum Perlindungan, Tempoh Ihsan selama 14 hari dari tarikh perlu dibayar dibenarkan untuk pembayaran sebarang premium setelah Tahun Polisi Pertama. Dalam tempoh selama 14 hari tersebut, Syarikat akan bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, premium telah dibayar. Sekiranya sebarang premium berkaitan dengan Polisi Kontrak ini tidak dibayar sebelum tarikh tamat tempoh ihsan, Polisi Kontrak ini dianggap sebagai terbatal pada tarikh luput Polisi ini.</li> <li>Sanction Limitation and Exclusion Clause.</li> <li>Cyber Loss Limited Exclusion Clause (IUA 09-082).</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Senarai ini <b>tidak lengkap</b>. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>
--

## ?

## Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium.
- Tiada bayaran balik premium jika premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.